

19 JUN 2001

Mahathir-Amanat

TINDAKAN BANTERAS POLITIK WANG AMARAN KEPADA ANGGOTA UMNO

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata langkah Umno membanteras politik wang bukan hanya untuk membersihkan parti tetapi juga sebagai peringatan kepada anggotanya supaya tidak terjebak dalam gejala itu.

"Apa yang kita mahu lakukan ialah untuk membersihkan parti dan ia juga sebagai amaran bahawa sesiapa sahaja yang menggunakan cara yang tidak boleh diterima dalam berkempen, tindakan (disiplin) akan dikenakan terhadap mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan amanat kepada kira-kira 2,000 pemimpin Umno daripada peringkat bahagian hingga Majlis Tertinggi (MT) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Ia diadakan sempena perhimpunan agung Umno selama tiga hari bermula Khamis ini. Perhimpunan itu akan didahului dengan persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno esok.

Dr Mahathir ditanya sama ada tindakan Lembaga Disiplin mengenakan hukuman tertentu terhadap mereka yang didapati bersalah terlibat dalam amalan politik wang pada pemilihan bahagian baru-baru ini, boleh memberi suntikan baru kepada parti tonggak Barisan Nasional (BN) itu.

"Sama ada ia memberi nafas baru atau tidak, saya tidak tahu," katanya.

Dr Mahathir berkata amanatnya pada majlis tertutup itu, banyak menerangkan mengenai proses yang diambil dalam menentukan siapa bersalah dan tidak bersalah berhubung politik wang.

"Saya terangkan dalam perkara macam ini, mungkin ada orang yang terlepas dan mungkin ada orang nasib tak baik dia tertangkap. Begitu juga sistem perundangan negara kita, banyak orang yang membunuh tetapi tak semua pembunuh ditangkap," katanya.

Ditanya kewujudan perasaan tidak puas hati terhadap tindak tanduk Lembaga Disiplin, Dr Mahathir berkata: "Tak adapun nampak. Dia orang terima apa yang saya cakap. Adalah yang tak puas hati, memanglah..."

Mengenai tanggapan sesetengah pihak tentang wujudnya double standard atau pilih kasih oleh Lembaga Disiplin dalam menjalankan tugasnya, beliau berkata persepsi seumpama itu akan ada di mana-mana sahaja.

"Kalau kita yang terkena, kita berasa (tindakan) itu tak betul, "katanya.

Lembaga Disiplin setakat ini menjatuhkan hukuman melucutkan jawatan 12 pemimpin peringkat bahagian Umno termasuk lima ketua bahagian yang didapati bersalah terlibat dalam gejala politik wang.

Ketika diminta mengulas cadangan bekas timbalan presiden Umno Tun Ghafar Baba bahawa tindakan membanteras politik wang perlu juga dibuat di peringkat MT, Dr Mahathir berkata ianya boleh dilakukan.

"Cara yang mudah untuk membersihkan MT ialah jangan pilihlah orang yang tidak bersih. Yang duduk ni (barisan MT) (adalah) semua orang yang dipilih oleh perwakilan. Perwakilan yang pilih, bukan kita yang pilih.

"Saya ambil menteri besar masuk, menteri besar itu pun dipilih oleh orang ramai. Kita kalau tak suka...awal-awal lagi jangan pilih. Ada yang kata `Di atas itu (MT) pun samalah'. Ya, samalah... Tapi you (perwakilan) yang pilih, tak usah pilihlah," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan membuat pengumuman besar semasa menyampaikan ucapan dasar apabila merasmikan Perhimpunan Agung Umno Khamis ini, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Awak semua kena tunggulah. Bagi awak suspens sikit. Kalau saya beritahu sekarang, tidak seronoklah,

awak mungkin tak mahu datang."

-- BERNAMA

JM MAM RON